

04 JUL 1999

BN SELANGOR YAKIN KEMAMPUANNYA PADA PILIHAN RAYA UMUM

SHAH ALAM, 4 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor tidak gentar menghadapi gabungan parti pembangkang yang mahu bertanding satu lawan satu dengan BN dalam setiap kawasan pada pilihan raya umum yang akan datang.

Pengerusi BN Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata ini kerana BN yakin dengan kemampuannya untuk bertanding dengan sesiapa pun.

Menteri Besar Selangor itu berkata rakyat sedar bahawa gabungan antara parti pembangkang hanya bertujuan menjaga kepentingan semasa pilihan raya semata-mata dan ia tidak akan dapat bertahan lama.

"Kita tengoklah nanti sama ada mereka boleh bersatu untuk adakan cuma pertarungan satu lawan satu dalam setiap kawasan pilihan raya," katanya pada persidangan berita selepas menutup Majlis Sambutan Hari Reli ke 27 peringkat Negeri Selangor, di Dewan Jubli Perak di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi DAP Selangor, Ronnie Liu, hari ini bahawa DAP sudah mencapai kata sepakat dengan parti pembangkang lain bahawa setiap kawasan pilihan raya di Selangor menjadi pertandingan satu lawan satu antara pembangkang menentang BN.

Sementara itu, mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kenyataan Prof Datuk Shahnun Ahmad yang memohon maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kelancangan bukunya menghina dan mencaci Perdana Menteri, Abu Hassan berkata orang ramai harus mengambil iktibar daripada kejadian itu.

"Jika seorang cendekiawan seperti Shahnun Ahmad boleh diperalatkan dan dipergunakan untuk kepentingan orang lain, apa lagi orang biasa... itu sebabnya kita perlu berhati-hati," katanya.

-- BERNAMA

AZH NAK